

MENCEGAH KEMUNGKARAN

Dari Abu Sa'id Al Khudri r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda: “Barangsiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran, hendaklah mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya (kekuasaannya); jika tidak mampu, maka dengan lidahnya (menasihatinya); dan jika tak mampu juga, maka dengan hatinya (merasa tidak senang dan tidak setuju), dan demikian itu adalah selemah-lemah iman”.

[Riwayat Muslim]

Perbendaharaan kata:

(منكم) di kalangan orang Islam yang mukallaf

(منكرا) iaitu meninggalkan perkara wajib atau melakukan perkara haraam, walaupun sedikit

(فليغيره) Maka seseorang itu perlu hilangkannya dan meninggalkannya serta mengubahkannya kepada perkara ketaatan

Sebab datangnya hadis ini

Orang pertama yang menjadikan khutbah hari raya Idul Fitri dilakukan sebelum didirikan solat hari raya ialah Marwan. ini kerana beliau melihat orang ramai meninggalkan tempat solat selepas selesai solat dan tidak menunggu untuk mendengar khutbah. Satu pendapat lain mengatakan: ini dilakukan agar orang yang datang lewat kerana jauh rumahnya akan sempat solat hari raya bersama. Ini menunjukkan bahawa khaifah sebelum Marwan tidak melakukannya. lalu seorang lelaki berdiri di hadapannya dan berkata: Kenapa tidak dimulakan dengan Solat sebelum khutbah. Beliau menjawab: Sesungguhnya perbuatan tersebut telah ditinggalkan tanpa pengetahuanmu. Abu Said berkata: Perkara ini telah ditetapkan, aku mendengar Rasulullah saw bersabda: “Barangsiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran, hendaklah mengubahnya dengan tangannya”.

النهي عن المنكر

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله ﷺ يقول : من رأى منكم منكرا فليغيره بيده فإئن لم يستطع فبلسانه فإئن لم يستطع فبقلمه وذلك اضعف الايمان.
(رواه مسلم)

معاني الكلمات

منكم	أي من المسلمين المكلفين
منكرا	وهو ترك واجب أو فعل حرام ولو كان صغيرة
فليغيره	فلينزله ويذهبه ويغيره إلى طاعة

سبب ورود الحديث

أول من بدأ بالخطبة يوم العيد قبل الصلاة مروان. ولما رأى الناس يذهبون عند تمام الصلاة ولا ينظرون الخطبة. وقيل بل ليدرك الصلاة من تأخر وبعده منزله. وفي هذا دليل على أنه لم يعمل به خليفة قبل مروان, فقام إليه رجل فقال: الصلاة قبل الخطبة, فقال: قد ترك ما هنا لك. فقال أبو سعيد: أما هذا فقد قضى ما عليه. سمعت رسول الله ﷺ يقول: من رأى منكم منكرا فليغيره بيده.

Penjelasan hadis secara umum

Menyuruh perkara kebaikan dan mencegah perkara kejahatan adalah antara perbuatan yang paling mulia, kerana ianya mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan. Hadis ini mengajar kita berdasarkan keupayaan dan kemampuan Menyuruh perkara kebaikan dan mencegah perkara kejahatan serta menukar kejahatan di hadapannya dengan kebaikan. Amalan ini adalah antara syiar Islam, punca kebaikan dan lebihnya umat ini berbanding umat-umat yang lain. Amalan ini juga dapat memelihara asas agama Islam yang benar dan kehebatan Islam akan terus kekal di dalam jiwa manusia dan dunia ini.

Qadi 'Iyad menyebut : Hadis ini adalah asas bagi sifat merubah sesuatu perkara. Orang yang ingin merubah perlu melakukannya mengikut kemampuannya sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan. Dia sendiri yang memecahkan peralatan kebatilan dan mencurahkan arak atau seseorang itu boleh menyuruh orang yang melakukan kebatilan dan mengambil barang yang dicuri serta dia sendiri yang memulangkan kembali barangan tersebut kepada tuannya. Ini semua sekiranya mampu. Jika pada sangkaannya jikalau dia merubah kemungkaran itu dengan tangannya menyebabkan kemungkaran yang lebih teruk lagi seperti membunuhnya atau membunuh orang lain kerana menghalang orang tersebut memadailah dengan perkataan, nasihat dan peringatan. Jika ada orang yang boleh membantunya merubahkan kemungkaran itu, maka bolehlah ia lakukan selagi tidak membawa kepada perkelahian dan peperangan.

إن الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر من أجل الأعمال وأشرفها, لما فيها من المزايا العديدة والفضائل الحميدة. هذا الحديث يعلمنا حسب القدرة والاستطاعة على الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر وتغيير المنكر الذي أمامه. الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر من شعائر المسلمين ومن أسباب خيرية وتفضيل هذه الأمة على سائر الأمم. فبه تحفظ معالم الدين الحنيف وتظل هيبة الإسلام قائمة في النفوس وقائمة على الأرض.

قال القاضي عياض هذا الحديث أصل في صفة التغيير, فحق المغير أن يغيره بكل وجه أمكانه زواله به قولاً كان أو فعلاً فيكسر آلات الباطل ويريق المسكر بنفسه أو يأمر من يفعله وينزع الغصوب ويردها إلى أصحابها بنفسه أو بأمره إذا أمكنه, فإن غلب على ظنه أن يغيره بيده يسبب منكراً أشد منه من قتله أو قتل غيره بسبب كف يده, واقتصر على القول باللسان والوعظ والتخويف, وإن وجد من يستعين به على ذلك استعان ما لم يؤد ذلك إلى إظهار سلاح وحرب.

مفهوم المنكر

كل ما تحكم العقول الصحيحة بقبحه أو بقبحه الشرع أو يجرمه أو يكرهه وهو يعم جميع المعاصي والرذائل والدناءات على اختلاف أنواعها. قال الإمام الغزالي: نعني أن يكون محذور الوقوع في الشرع وعدلنا عن لفظ المعصية إلى هذا، لأن المنكر أعم من المعصية. إذ من رأى صبيا أو مجنونا يشرب الخمر فعليه أن يرق خمره ويمنعه. وهذا لا يسمى معصية في حق المجنون، فلفظ المنكر أدل عليه وأعم من لفظ المعصية.

مسؤولية المسلم في النهي عن المنكرات

قال النووي: الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر فرض كفاية. إذا قام به بعض الناس، سقط الحرج عن الباقين. وإذا تركه الجميع، أثم كل من تمكن منه بلا عذر ولا خوف. ثم إنه قد يتعين، كما إذا كان في موضع لا تعلم به إلا هو أو لا يتمكن من إزالته إلا هو. ولا يجوز الاكتفاء بالقلب إلا عند العجز أو خوف الضرر.

INTISARI HADIS

Konsep kemungkaran

Setiap perkara di mana akal waras mengatakannya buruk atau syarak mengatakannya buruk, mengharamkannya atau dibenci. Ianya merangkumi semua jenis maksiat, perkara keji dan hina. Imam Al-Ghazali berkata: Kami maksudkan kemungkaran itu ialah perkara yang dilarang melakukannya dalam Islam. Kami menggantikan perkataan mungkar daripada perkataan maksiat, kerana mungkar itu lebih umum daripada maksiat. Sekiranya seseorang itu melihat kanak-kanak atau orang gila minum arak, maka dia perlu membuang arak itu dan menghalangnya. Perkar ini tidak dinamakan maksiat bagi orang gila. Oleh itu perkataan mungkar lebih nyata dan lebih umum daripada perkataan maksiat.

Tanggungjawab orang Islam dalam mencegah kemungkaran

Imam Nawawi menyatakan: Menyuruh perkara kebaikan dan **mencegah kejahatan** adalah fardu kifayah. Sekiranya ada sebahagian yang melakukannya maka gugurlah dosa dari sebahagian yang lain,. Apabila semua orang meninggalkannya mak berdosa setiap orang yang mampu melakukannya tanpa keuzuran atau ketakutan. Kadang-kadang tanggungjawab ini hanya dikenakan kepada orang tertentu sahaja seperti pada keadaan di mana dia seorang sahaja yang mengetahui kemungkaran itu atau dia sahaja yang boleh menghilangkan kemungkaran itu. Tidak boleh mencegah kemungkaran hanya dengan hati sahaja kecuali ketika lemah atau takut berlaku kemudaratan.

CARA MENCEGAH KEJAHATAN: DENGAN TANGAN, LIDAH DAN HATI

(1) Tangan

Mencegah dengan tangan, ianya wajib mengikut kemampuan. Hadis ini bermaksud kewajipan mencegah dengan tangan adalah bagi orang yang mampu melakukannya. Imam al-Qurtubi berkata: kewajipan mencegah dengan tangan adalah bagi pemerintah dan pembesar-pembesarnya. Tetapi beberapa ulamak berpendapat: Tidak dikhususkan kewajipan mencegah dengan tangan itu hanya kepada pemerintah sahaja, bahkan ianya untuk setiap orang Islam yang berkemampuan kerana apabila seseorang yang boleh menguasai seseorang yang lain maka dia adalah rajanya. Orang yang mempunyai kuasa seperti raja, suami dalam keluarganya, isteri/ibu di rumahnya dan seumpamanya. Ini bermakna seseorang itu mempunyai kuasa untuk menukar dengan tangannya.

(2) Lidah

Mencegah dengan lidah. Pendekatan ini adalah dikhususkan kepada ulama, kerana Allah swt telah mewajibkan mereka agar menerangkan kebenaran kepada manusia. Mereka tidak menyembunyikannya dan hanya memberi nasihat dan peringatan. Qadi 'iyadh berkata: Hadit ini adalah asas bagi sifat mengubah sesuatu. Orang yang ingin merubah perlu melakukannya mengikut kemampuannya sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan.

قواعد النهي عن المنكر: اليد واللسان والقلب

اليـد

الإنكار باليد إنما يجب بحسب الطاقة فعموم الحديث يقضي بمشروعية الإنكار باليد لمن قدر عليه. وقال الإمام القرطبي: إن الإنكار باليد للولادة ومن قاربهم. ولكن قال بعض العلماء لا يخص الإنكار باليد على الأمراء فقط، بل لكل من قدر عليه من المسلمين لأن من قدر على أحد فهو كأمير عليه. وذو سلطة قادر مثل الأمير ومثل الرجل في أهل بيته والمرأة في بيتها وما أشبه ذلك. فهذا له السلطة أن يغير يده.

اللسان

أما الإنكار باللسان هذا من اختصاص العلماء، لأن الله أوجب عليهم، أن يبينوا للناس الحق فلا يكتُمونه واقتصر على القول باللسان والوعظ والتخويف. قال القاضي عياض: هذا الحديث أصل في صفة التغيير. فحق المغير أن يغيره بكل وجه أمكنه زواله به قولاً كان أو فعلاً.

القلب

إن معرفة المعروف والمنكر بالقلب فرض لا يسقط عن أحد. فالقلب يحمي المسلم من الهلاك. وهذا دليل على أن المؤمن المملوء قلبه بالإيمان أشد كراهية للمعصية. وكلما نقص الإيمان من القلب كان غضب المسلم أقل ما يكون إذا رأى المنكر، وهكذا حتى لا يكون في القلب إيمان. وبذلك فإن المسلم إذا رأى منكرا فإنه لا يغضب أبدا ولا يكره المعصية. الأمر الذي يجعل صاحبه في قلب الهلاك ولا نجاة له إلا إذا عاد القلب إلى الإيمان. وعليه فإن الإنكار بالقلب واجب على كل مسلم وإلا وقع في الهلاك.

ما يرشد إليه الحديث

- ١) دل الحديث على وجوب الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر على قدر الاستطاعة.
- ٢) ينبغي للأمر بالمعروف والنهي عن المنكر أن يرفق ليكون أقرب إلى تحصيل المطلوب.
- ٣) دل الحديث أيضا على أن الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر من الخصال الإيمان.
- ٤) فعموم الحديث يقضي بمشروعية الإنكار باليد لمن قدر عليه، كمن استطاع أن يكسر زممارا، أو أن يطمس صورة أو أن يأمر بستر العورة ونحو ذلك.
- ٥) الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر هو مسؤولية الجميع، وكل فرد من هذه الأمة مطالب بأداء هذه المسؤولية على حسب طاقته.

(3) Hati

Mengetahui perkara kebaikan dan keburuk dengan hati itu adalah kewajiban yang tidak akan gugur daripada siapa pun. Hati memelihara seorang Islam daripada kehancuran. Ini adalah bukti bahawa orang beriman penuh hatinya dengan keimanan yang amat benci terhadap dosa. Apabila kurangnya iman di hati maka orang Islam akan kurang marah apabil melihat kejahatan. Begitulah seterusnya sehinggalah tiada lagi iman di hatinya. Dengan sebab itulah, orang Islam apabila melihat kemungkaran, dia tidak akan marah lagi atau tidak membencikan maksiat. Perkara inilah yang menjadikan tuannya binasa dan tidak selamat melainkan jika hati kembali ada iman. Oleh itu, kejahatan wajib dicegah dengan hati bagi setiap Muslim, jika tidak, dia akan terjatuh dalam kebinasaan.

Pengajaran Hadis

- 1) Hadis ini menunjukkan kewajiban menyuruh perkara yang baik dan mencegah perkara yang buruk sekadar termampu.
- 2) Orang yang menyuruh kebaikan dan melarang kejahatan perlu berhemah supaya tercapai hasilnya.
- 3) Hadis ini juga menunjukkan bahawa menyuruh perkara yang baik dan mencegah kejahatan adalah salah satu daripada sifat iman.
- 4) Umum Hadis ini bermaksud kewajiban mencegah dengan tangan adalah bagi orang yang mampu seperti seseorang yang mampu untuk memecahkan seruling, mengoyak gambar atau menyuruh menutup aurat dan sebagainya.
- 5) menyuruh kebaikan dan melarang kejahatan adalah tanggungjawab semua pihak. Setiap anggota masyarakat dituntut menunaikan tanggungjawab ini mengikut kemampuan yang ada.

التدريبات

١- أجب عن الأسئلة الآتية :

(أ) اذكر معاني الكلمات :

منكم :

منكر :

فليغيره :

(ب) اشرح الحديث إجمالاً.

(ج) ما حكم الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر؟

(د) كيف يكون الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر؟

(هـ) اذكر اثنين مما يرشد إليه الحديث .

٢- ضع علامة (V) أمام الجملة الصحيحة أو علامة (X) أمام الجملة الخاطئة:

(أ) الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر من شعائر الكافرين.

(ب) إن الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر خصوصية لهذه الأمة.

(ج) المعروف ما يقبحه الدين أو تكرهه الأخلاق من قول أو فعل.

(د) وجوب الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر على قدر الاستطاعة.

(هـ) يكون الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر على حسب الترتيب اليد واللسان والقلب .